

92-2416

# PUGAR DUA BANDAR PENGGARAM BATU DI PAHAT

MATLOB

55 25

NASKHAN PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

12 SEP 1992



diterbitkan oleh  
BADAN BOOK STORE SDN. BHD.

*diterbitkan oleh*  
**BADAN BOOK STORE SDN. BHD.**  
28, Tingkat Bawah,  
Komplek Tun Abdul Razak,  
80000 Johor Bahru,  
Johor Darul Takzim.

© MATLOB

Cetakan Pertama ... 1992

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan  
mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi,  
isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan  
apa cara pun sama ada cara elektronik, fotokopi, mekanik,  
rakaman dan lain-lain sebelum mendapat izin bertulis  
terlebih dahulu dari  
**BADAN BOOKSTORE SDN. BHD.**

ISBN 983-9726-68-4

*Dicetak oleh;*  
*Per cetakan Zafar Sdn. Bhd.*  
*Kuala Lumpur*

18 NOV. 1992  
18 NOV. 1992  
18 NOV. 1992

640988  
APB

18 NOV. 1992  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

## PENDAHULUAN

**PUGAR** adalah perkataan yang kelihatan tidak dipakai lagi dalam penulisan dan pengucapan terkini. Generasi muda lebih kenal dengan perkataan 'teroka', sebab mereka dide dahkan dengan panggilan sebagai 'Anak-Anak Peneroka' dan mereka lebih dekat pula dengan kisah-kisah 'Penerokaan ke Angkasa Lepas'. Pada hal, sebelum negeri menjadi maju dan manusia dapat hidup bertamadun, generasi yang lebih awal telah memugar hutan belantara dan berjuang menyempurnakan pengetahuan dan pengalamannya, lalu membina kehidupan yang lebih selesa untuk kita.

Mengangkat kembali segala peristiwa silam untuk di telaah adalah suatu *pemugaran*, iaitu memugar khazah kepunyaan bangsa kita yang tersimpan di perbendaharaan zaman. Maka dalam gaya yang amat mudah dan menyeronokkan, terutama kepada pembaca-pembaca muda, buku ini disusun berdasarkan suatu perjalanan menyusuri sebahagian pantai barat negeri Johor bersama-sama dua pasang pelajar. Mulanya bersama dua orang pelajar puteri dari Sabah, dan kemudian bersama dua orang pelajar putera yang menuntut di SM Dato' Onn dan SM Semerah pula.

Kisah perjalanan ini pernah ditulis dalam **Utusan Pelajar** mulai 2 Oktober 1983 hingga 8 Januari 1984. Selepas tamat siarannya, ramai yang mendesak agar perjalanan itu dilanjutkan dan kisahnya dibukukan.

Hampir satu dekad kemudian, pada tahun ini, barulah dapat dirasakan betapa perlunya bahan tersebut dibukukan. Ini disebabkan begitu ramai dan kerapnya para pelajar menengah yang terlibat dengan KBSM, dan murid-murid dari sekolah rendah yang mengikuti KBSR, datang untuk mendapatkan bahan-bahan sejarah, perjuangan tokoh-tokoh dan lain-lain hal setempat yang tidak tertulis di dalam buku teks mereka. Meskipun catatan yang dibuat ini tidak dapat memenuhi semua aspek setempat yang kerap ditanyakan oleh pelajar-pelajar KBSM dan KBSR itu, namun ia dapat menjadi kunci untuk mereka meneruskan kajian masing-masing.

Saya berterima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan perhatian dan kerjasama sewaktu dalam perjalanan hingga kepadaterbitnya buku ini. Ini hanya sedikit sumbangan untuk generasi muda yang mula mencintai bumi dan alamnya.

## MATLOB

*Semerah: 24 Februari 1992.*

2

## BANDAR PENGGARAM BATU DI PAHAT

**MEMBICARAKAN** kisah tokoh-tokoh sepanjang perjalanan dan mengangkat kembali peristiwa-peristiwa silam menjadi bahannya, adalah jawapan kepada generasi muda yang minat kepada sejarah. Perbualan seperti ini dapat menjadi asas kepada penggalian sejarah yang lebih mendalam lagi.

Masih cukup luas ruang lingkup yang boleh diterokai oleh seseorang pembaca yang peka terhadap catatan-catatan perjalanan ini, bagi mengamati berbagai masalah yang timbul di sekitar perjalanan.



# BANDAR PENGGARAM BATU DI PAHAT

## MENUJU KE BANDAR PENGGARAM

PERJALANAN menuju ke Bandar Penggaram yang menjadi pusat daerah Batu Pahat, tidak memakan masa yang lama.

Mula-mula kami melintasi kawasan perkampungan Mukim Lubuk sejauh 8 kilometer. Mukim Lubuk ialah mukim satu dalam Daerah Batu Pahat. Kemudian melalui mukim dua iaitu Mukim Bagan sejauh hampir 5 kilometer dan akhirnya mukim tiga, Mukim Peserai sejauh kira-kira 5 kilometer.


Di sepanjang kiri kanan jalan ini, rumah kediaman penduduknya sangat rapat. Sejak zaman Melaka dulu pun pernah disebutkan di dalam Sejarah Melayu: Dari Melaka ke Batu Pahat tidak payah membawa api lagi. Maksudnya ialah penduduk di kawasan tersebut sangat ramai. Kini penduduknya lebih padat daripada penduduk lima kurun yang lalu.

## JALAN SIMEN

Perjalanan sejauh 19 kilometer ini kerap terganggu kerana jalan yang rosak dan berlopak-lopak. Hal ini disebabkan oleh simen turapan jalan raya ini telah pecah-pecah dan rosak. Jalan raya berturap simen ini telah dibina oleh Kerajaan Negeri Johor lebih tiga suku abad yang lalu, dari Parit Kuda (Kilometer 14) hingga ke Sungai Batu Pahat — Bandar Penggaram.

Kerajaan Negeri Johor membina jalan raya berturap simen untuk mengelakkan jalan ini dirosakkan oleh senjabut dan terbenam ke dalam selut.

Di Parit Simen (Kilometer 13) kami boleh nampak air laut Selat Melaka yang kebiru-biruan berombak. Ini menunjukkan jalan raya ini telah dibina tidak jauh dari pantai.



Sekitar Bandar Penggaram dan pantai batu  
Pahat dipandang dari udara. Di sudut  
kanan ialah Jambatan Penggaram, di  
belakang ialah banjaran Bukit Banang dan  
pantai Minyak Beku.

# BANDAR PENGGARAM BATU DI PAHAT

Sungguhpun demikian, perjalanan dari pekan Semerah ke Bandar Penggaram ini tidak menempuh banyak selekoh. Hanya ada dua selekoh saja iaitu selekoh Simpang Tiga (Kilometer 8) dan selekoh Simpang Lima (Kilometer 6). Jalannya pun rata saja tidak berbukit-bukit.

## SEKOLAH MENENGAH DATUK ONN DI SIMPANG LIMA

Di Simpang Lima terdapat sebuah pekan kecil dan jalan raya simpang ke Parit Sulong. Pekan Parit Sulong itu jauh ke utara kira-kira 16 kilometer dari sini.

Beberapa meter saja ke depan pekan ini, kami menemui Sekolah Menengah Datuk Onn.

"Siapa Datuk Onn?" tanya Imah.

Josephin memerhatikan sekolah bertenagak itu dan membaca papan namanya yang bertulis perada emas.

"Datuk Onn seorang tokoh negara yang ulung. Dialah yang berjaya memimpin orang Melayu menentang penubuhan Malayan Union dalam tahun 1946," kujelaskan sepintas lalu.

"Dia orang di sini?" tanya Josephine pula.

"Datuk Onn orang Johor Baharu, tetapi telah menjadi Pegawai Daerah Batu Pahat ketika Malayan Union itu hendak ditubuhkan. Di Batu Pahatlah ia menyatupadukan orang Melayu menentang Malayan Union itu, kerana dia telah berjaya meleraikan pergaduhan di antara orang Melayu dengan orang Cina di daerah ini pada tahun 1945."

Banyak pertanyaan Imah dan Josephine mengenai Datuk Onn. Semua pertanyaan itu telah dijawab.

"Malah untuk mengenangkan jasanya," sambungku lagi, "Di sini telah dibangunkan suatu kawasan istimewa dan dinamakan Kampung Kenangan Datuk Onn" kataku menutup jawapan.



# BANDAR PENGGARAM BATU DI PAHAT

"Di mana Kampung Kenangan itu?" tanya mereka serentak.

"Kita akan melawat ke sana nanti."

## JAMBATAN GANTI FERI

Akhirnya kami sampai ke Jambatan Penggaram yang telah dibina pada tahun 1966 yang lalu. Jambatan itu menggantikan feri dan sampan penambang yang digunakan untuk mengangkut kendaraan dan penumpang menyeberangi Sungai Batu Pahat. Pangkalan penambang ini terletak arah ke selatan dari jambatan ini.

Syarikat Penambang Muar — Batu Pahat yang mendapat izin Sultan Abu Bakar dalam tahun 1884 untuk menjalankan operasi penambang, telah mengusahakan membawa penambang menyeberangi sungai Batu Pahat dan pada tahun 1910 telah mengadakan perkhidmatan feri untuk mengangkut kendaraan.

Dari atas jambatan ini dapat dilihat Banjaran Gunung Banang dan bangunan-bangunan baru yang dibina bagi cendawan tumbuh. Jauh di depan kelihatan sebuah bangunan tinggi sedang dibina.

Kami membelok ke kanan, masuk ke pusat bandar. Jalan yang kami lalui ialah Jalan Rugayah. Di jalan ini dibina pangkalan bas dan teksi. Beberapa buah supermarket dan emporium telah dibina di sekitarnya.

Suasana amat sibuk. Orang ramai turun naik bas dan teksi. Ramai pula yang keluar masuk di pusat membeli-belah itu.

## JALAN UTAMA

Jalan yang paling sibuk di bandar ini ialah Jalan Rahmat. Jalan Rahmat ialah jalan utama dan terpanjang




Penambang Batu Pahat sebelah timur. Kelihatan penambang, bot dan jangkut dengan feri.



Jambatan Penggaram yang dirasmikan oleh Tun Abdul Razak, Timbalan Menteri pada 26 Julai 1967.



seberang sungai  
rahu  
Kenderaan



yang mengalami  
16 Oktober 1980.



# BANDAR PENGGARAM BATU DI PA

kecil menyeberangi ke Pulau Wanita di tengah kawasan Taman Tasik Merdeka.

Taman Tasik Merdeka yang kami kunjungi terletak dipinggir sebelah utara kawasan Bandar Penggaram. Beberapa meter saja dari sini terdiri Pekan Bukit Pasir.



Taman Tasik Merdeka. Taman ini telah dirasmikan oleh Tuan Haji Othman Saat, Menteri Besar Johor pada 19 Jun 1969.

## BUKIT PASIR PUSAT BINTANG TIGA

Di kawasan inilah Datuk Onn pernah mengadakan pertemuan dengan ketua gerombolan Bintang Tiga untuk mencari jalan meleraikan konflik kaum yang amat sengit di daerah ini pada akhir tahun 1945.

Pekan ini sejak waktu itu hingga sekarang tidak banyak berubah, tetapi sekitarnya mulai pesat membangun.

Mengarah ke selatan menuju ke pusat bandar semula, kita akan dapati di kiri kanan jalan beberapa kawasan perumahan. Di sebelah kanan terdapat kawasan perumahan Taman Banang, Taman Datuk Abdul Rahman Jaafar yang bersambung dengan Taman Makmur, Taman Batu Pahat dan Taman Nira.

Di sebelah kirinya pula kelihatan kawasan tapak perumahan sedang diratakan termasuk tapak Pejabat Kerajaan Daerah.

Sesampainya saja ke lampu isyarat Jalan Bakau



# BANDAR PENGGARAM BATU DI P

di bandar ini. Jalan inilah yang awal dibina. Di kiri kanan jalan ini banyak didirikan bank dan panggung wayang gambar (pawagam). Pejabat pos, pejabat telegraf dan balai polis pun dibina di kiri kanan jalan ini juga.

Kami melalui jalan tersebut mengekori kenderaan yang bergerak perlahan-lahan. Josephine memandang ke kanan dan Imah memandang ke kiri. Mereka tidak banyak bicara.

Setelah melintasi dua lampu isyarat, kami sampai ke balai polis. Kawasan di balai polis ini berpagar dan ada pengawal berdiri di depan pintu masuk.

## KAWASAN BERSEJARAH

Balai polis ini pernah mengalami peristiwa berdarah kerana diserang oleh sekumpulan orang berjubah pada 16 Oktober, 1980 lalu.

Di depan balai polis ini di sebelah kiri Jalan Pejabat terdapat bangunan pejabat-pejabat kerajaan yang telah usang binaannya. Di bahagian belakang bangunan-bangunan pejabat ini kelihatan sebuah bukit dan di situlah bendera negeri Johor dan Persekutuan berkibar-kibar.

Kawasan inilah tempat pertama bandar ini dimulakan pada tahun 1894 oleh Datuk Bentara Luar.

Dari beberapa buah rumah kayu dan atap ketika bandar ini dimulakan, kini Bandar Penggaram telah dipenuhi oleh bangunan batu yang bertingkat-tingkat dan penduduknya kian bertambah ramai.

## TAMAN TASIK MERDEKA

Tengah hari itu kami mengikut Jalan Zabedah menuju ke arah sebuah pekan kecil di pinggir bandar Penggaram bernama Pekan Bukit Pasir lalu berehat di Taman Tasik Merdeka.

Bekas lombong yang telah dijadikan tempat berehat pada tahun 1979 yang lalu ini sungguh indah

# BANDAR PENGGARAM BATU DI P

SEJENAK DI KG. KENANGAN DATUK ONN

"Kita akan ke Kampung Kenangan Datuk On," beritahuku.

Imah dan Josephine amat gembira. Bukan saja niatnya akan terkabul, tetapi nama Datuk Onn (orang di Johor tetap mengejanya Dato' Onn) mulai menjadi amat mesra kepada mereka.

Kami masuk ke kawasan Kampung Kenangan Datuk Onn ini sambil merasakan suasana yang tenang dan tenteram. Kawasannya luas dan lapang. Budak-budak sedang bermain sepatu roda di gelanggangnya.

Imah dan Josephine leka melihat kemeriahinan budak-budak di gelanggang itu.

"Itu sekolah apa?" tunjuk Josephine ke arah sebuah bangunan sekolah.

## SMR DATIN ONN JAAFAR

Kami berjalan ke sana lalu Imah membacakan nama sekolah itu. "Sekolah Menengah Rendah Datin Onn Jaafar," kata Imah.

Josephine terpegun sebentar. Kemudian perlahan dan lambat-lambat dia mengulangi kata itu, "Sekolah Menengah Rendah Datin Onn...?"

"Oh, sekolah itu mengambil sempena nama isteri Datuk Onn, barangkali!"

"Maksudnya begitulah," jawabku pendek.

Tetapi Imah bertanya pula, "Siapakah nama isteri Datuk Onn itu, Pak?"

"Datin Halimah," jawabku lemah.

"Mengapa tidak dinamakan Sekolah Menengah Rendah Datin Halimah, Pak? Bukankah Datin Onn itu salah panggilannya," sambung Imah.

Aku tidak menjawab, hanya mengangguk saja. Kekesalanku tentang nama itu tenggelam ke dalam diri sendiri. Ya, mengapa tidak begitu? Kiranya Datin Halimah tidak bersetuju namanya dipakai, mengapa pula tidak dinamakan saja 'Sekolah Menengah Ren-



Datuk Onn dan Datin Halima

# BANDAR PENGGARAM BATU DI PA

Lima, kerana ini sebuah sekolah menengah rendah.

Mungkin pula akan terdiri sebuah sekolah rendah di kawasan ini yang akan dinamai 'Sekolah Kebangsaan Datuk Onn'!

Kami terus mengitari kawasan Kampung Kenangan Datuk Onn ini. Imah dan Josephine sempat melihat kedai cetak dan kedai roti kepunyaan bumiputera. Kemudian melihat bengkel Kemas Kompleks Penghulu, sekolah agama dan surau serta pondok-pondok tempat berehat di dalam musim-musim pesta.

## KAMPUNG PESTA

Sebenarnya kampung ini juga dikenali dengan panggilan 'Kampung Pesta' kerana ia lahir dari Pesta Pembangunan Johor ke-2 yang menelan belanja \$450 ribu pada tahun 1981.


Di sebelah timur kawasan ini kelihatan sebuah bangunan asrama anak yatim hasil usaha Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Islam Batu Pahat.

Keluar dari kawasan ini kami membelok ke kanan mengikut Jalan Keluang. Beberapa meter di sebelah kanan terdapat sebatang jalan menuju ke Bukit Penggaram. Di kaki bukit ini terdiri Sekolah Rendah Kebangsaan Lim Poon dan Sekolah Datuk Bentara Luar.

## DUA TOKOH

Kedua-dua nama ini amat terkenal di Batu Pahat kerana Datuk Bentara Luar itu ialah orang besar Sultan yang berjaya membuka bandar ini dalam tahun 1894. Namanya ialah Datuk Mohd. Salleh bin Perang.

Lim Poon pula ialah Lim Soo Poon, seorang ahli perniagaan yang mulanya menjadi kontrak di ladang



Dato' Patinggi Mohamed Sulah b.

# BANDAR PENGGARAM BATU DI PA

kopi syarikat Inggeris 'Staple, Jackson and White' dalam tahun 1895, kemudian meneroka ladang gambir dan lada hitamnya sendiri.

Selepas melintasi hospital, kami sampai ke bulatan Simpang Rantai yang boleh menuju ke pusat bandar, Pontian dan Keluang. Kami mengarah ke pusat bandar, melintasi Balai Polis Batu Pahat di sebelah kanan dan bangunan pejabat-pejabat di sebelah kiri. Balai Polis Batu Pahat ini pernah mengalami tragedi berdarah pada 16 Oktober 1980 apabila segerombolan orang berjubah menyerangnya.

Di Jalan Pejabat pula terletak bangunan Perpustakaan, Pejabat Pelajaran, Pejabat Pelajaran Agama, Pejabat Tanah, Pejabat Daerah dan Pejabat Majlis Daerah Batu Pahat Barat, Pejabat Haiwan, Pejabat Pertanian. Pejabat JKR dan mahkamah juga terletak di jalan ini. Hingga ke lampu isyarat pertama Jalan Rahmat, kami membelok ke Jalan Ampuan.

## STADIUM DI DEPAN MASJID

Di sebelah kanan jalan ini terdapat Masjid Jamek Bandar Penggaram dan di sebelah kiri ialah Stadium Batu Pahat. Kini stadium tersebut sedang dalam pembinaan semula. Tapak stadium ini asalnya sebahagian daripada sebuah tasik yang telah dikambus kira-kira seabad yang lalu.

Di hujung Jalan Ampuan kelihatan Taman Penggaram yang sedang dibangunkan. Rangka binaan terdiri dengan banyaknya di kaki Gunung Banang.



Masjid Jamek Batu Pahat.



Pejabat JKR Batu Pahat.

# BANDAR PENGGARAM BATU DI PA

## MENUJU KE PANTAI

Kami meninggalkan Bandar Penggaram (Batu Pahat) menuju ke selatan. Di hujung jalan inilah nanti akan ditemui 'Perigi Batu Pahat' di pantai Minyak Beku.

Perjalanan sejauh 9 kilometer ini merupakan satu-satunya jalan yang paling menarik di daerah ini kerana liku-liku dan turun naik bukitnya.

JE 5052 tidak pula merasa sempit mendaki dan menurun jalan berliku-liku 9 kilometer ini!

Sampai di sebuah persimpangan kami berhenti untuk minum, Josephine bertanya pula, "Ke manakah jalan menuju ke pantai?"


"Ke sana," tunjukku ke selatan. "Jalan yang arah ke timur ini ialah jalan Sungai Ayam dan Pekan Sungai Suluh, kira-kira 4 kilometer saja jauhnya."

Imah tersenyum. Dia tahu maksud kawannya itu, kerana Josephine suka mandi laut dan mengambil angin di pantai.

Apabila kereta menuruni suatu kawasan tinggi lalu menuju ke pantai, Josephine dan Imah bersorak riang. Mereka bertepuk-tepuk melihat kebiruan air Selat Melaka yang bertembung dengan air Sungai Batu Pahat itu.

Tidak lama kemudian mereka sudah berdiri di atas batu di pantai dengan membiarkan angin laut mengusap badan dan mengerangkan rambut mereka.





# BANDAR PENGGARAM BATU DI PAHAT

## PERIGI BATU PAHAT

Sebuah perigi terletak di tebing pantai Minyak Beku. Benar-benar ia terletak di atas tebing batu.

Menurut Sejarah Melayu, perigi ini telah dipahat oleh orang Siam ketika angkatan perangnya hendak menyerang Melaka. Ketika itu negeri Melaka diperintah oleh Sultan Muzaffar Syah dengan pem-besarnya Bendahara Paduka Raja yang amat bijaksana.

Angkatan Siam ini telah singgah di pantai Minyak Beku dan berlindung di muara Sungai Batu Pahat.

Dengan tipu helah Bendahara iaitu dengan mengerahkan orang Melaka memasang puntung api di pokok-pokok bakau sepanjang pantai untuk menunjukkan betapa ramainya rakyat Melaka, menyebabkan angkatan Siam merasa gerun.

Tambahan pula pada pagi-pagi esoknya, Tun Umar anak Datuk Bongkok telah merempuh beberapa buah perahu angkatan Siam di situ, memaksa mereka berpatah balik.

Perigi inilah yang disebut 'Perigi Siam' atau 'Perigi Batu Pahat' yang kemudiannya darinyaalah diambil sempena nama 'Batu Pahat'.

Kini perigi tersebut sudah berpagar dan berturap, tetapi malangnya ia terbiar. Tangga batu yang menuju ke perigi itu pun tidak terbela lagi.

Di sebelah atas tebing batu, terdiri sebuah pondok yang usang dan kopak-kopak.

Josephine dan Imah masuk juga melihat perigi itu dari dekat dan melihat airnya yang hijau berlumut.



Kawasan Perigi Batu Pahat dan perigi tersebut yang telah ditutup sekelilingnya.



# BANDAR PENGGARAM BATU DI P

## PEMANDANGAN DI MUARA SUNGAI

Perasaan mereka hanya menjadi tenang dan tenteram apabila memandang jauh dari tempat itu. Di sana kelihatan barisan pokok bakau dan nun di sana dataran biru air Selat Melaka!

Apabila pemandangan dialih rapat ke pantai, kelihatannya sebuah tongkang karam yang telah ditelan karat dan tembok batu yang menahan tebing pantai itu dari runtuh. Sedikit saja kawasan berpasir yang menarik di sebelah bawah tebing batu ini.

Di tengah kawasan berpasir itu terdiri sebatang pokok rendang yang menaungi warung-warung kosong. Di sinilah para muda-mudi berkumpul di hujung minggu.

Arah selatan kawasan ini kelihatan pula kuari dengan longgokan-longgokan batu yang amat mengganggu pemandangan.

Pantai Minyak Beku tidak seindah dulu. Ia bukan lagi sebuah pantai pelancongan yang patut dikunjungi seperti yang diharapkan oleh bekas Pegawai Daerah Batu Pahat, Datuk Abdul Rahman Jaafar dua puluh tahun yang lalu.

Pada hari kami melawat ke pantai ini, petang Sabtu, suasana agak lengang. Tidak ramai pelancong yang datang. Oleh kerana itu, Josephine dan Imah dapat pergi ke sekitar kawasan pantai Minyak Beku ini dengan bebasnya.

Mereka berlarian di gigi air yang sedang surut sambil menarik obor-obor atau ampai-ampai iaitu sejenis binatang laut yang badannya seperti agar-agar. Kemudian mereka memungut buah berembang dan pedada yang tersadai di pantai lalu melontarkaninya kembali ke air dalam.

Setelah puas bermain di gigi air, mereka melompati bongkah-bongkah batu pula.

Akhirnya mereka menghampiriku yang sejak tadi memerhati saja dari sebuah batu besar tidak jauh dari perigi.



Pantai Minyak Beku yang tenang  
naik pasang dan anda boleh jauh  
ke tengah muara ketika air surut



# BANDAR PENGGARAM BATU DI P

"Sudah puas menghirup angin laut?" tanyaku.

"Puas, Pak. Sungguh menyeronokkan!" kata Josephine lalu duduk di sebelahku. Imah pula datang kemudian dengan nafas semput.

"Tapi mengapa pantai ini dinamakan Minyak Beku, Pak?" tanya Imah tiba-tiba.

Josephine memandang kepadaku, menunggu jawapan.

"Pergilah ambil air dan makanan kita di dalam motokar sana itu dulu," suruhku.

Josephine segera bangkit lalu menuju ke kereta yang kelihatan seperti seekor ibu penyu agam itu. Dia mengambil tiga kotak minuman sejuk dan sebungkus kuih bingka. Semuanya itu telah dibeli di kedai kopi persimpangan jalan ke Kampung Sungai Ayam — Sungai Suluh tadi.

## ASAL NAMA MINYAK BEKU


"Ini berlaku dalam tahun 1811 yang lalu," kataku memulakan cerita.

"172 tahun yang lalu..." sampuk Josephine pantas.

"Seorang pengiring raja Johor-Riau bernama Daing Ahmad telah membuat tempat kediaman di sini. Di sekitar kawasannya ini terdapat sepohon pokok keruing (*Vatica Scortechinii*). Pokok ini jika ditakik akan keluar getah. Tetapi getah pokok keruing yang sebatang ini amat kental, kerana ia terlalu cepat beku."

Imah dan Josephine terlopong mulutnya.

"Itulah sebabnya Daing Ahmad menamakan tempatnya ini Pantai Minyak Beku!" sambungku.



Peta pantai Batu Pahat yang dibuat oleh Datuk Bentara Luar Muhamad Saleh bin Perang. Kawasan pantai Minyak Bekas kelihatan di sebelah kanan kuala Batu Pahat.

# BANDAR PENGGARAM BATU DI P

## BATIN DI PULAU SIALU

Pada waktu bercerita itu beberapa buah bot nelayan mudik Sungai Batu Pahat. Suara enjinnya tenggelam timbul dibawa angin.

"Tidak jauh di muara sungai ini, ada sebuah rumah api terletak di Pulau Sialu," kataku memberitahu. "Pulau ini dulunya menjadi tempat persembunyian lanun, tetapi kemudiannya menjadi tempat kediaman orang laut. Mereka mempunyai ketuanya sendiri bergelar Batin. Batinnya yang pertama dilantik pada tahun 1868."

"Sayang di sini tidak ada perahu tambang pergi ke sana, ya Pak..." kata Josephine.

"Ya, kalau ada boleh kita ke sana," sampuk Imah.

"Kita boleh ke sana dengan menumpang bot-bot nelayan itu..." tunjukku kepada bot nelayan yang sedang mudik.

"Oh!" keluh Josephine. "Hari sudah petang dan esok kami akan pulang ke asrama."

"Lain musimlah kita akan pergi..." jawab Imah pula.

Aku tersenyum mendengar tingkah-meningkah dua orang pelajar puteri itu.

Kami bertolak pulang pada waktu petang. Josephine dan Imah harus berkemas-kemas pada malam ini untuk kembali ke asrama mereka di Johor Bahru pada pagi-pagi esok.

Josephine (berdiri kedua dari kiri) dan Imah (kedua dari kanan) bergambar kenangan di depan gubuk terpencil di Pekan Kecil Semerah bersama-sama adik-adik Bibi Mariam (kawan mereka), sebelum pulang ke asrama Sekolah Menengah Sultan Ibrahim (SMSI) di Johor Bharu di mana ia

